
SOALAN LAZIM EPENAWARAN

1. MENGAPA SAYA TIDAK DAPAT LOG MASUK KE DALAM EPENAWARAN?

Sistem ePenawaran hanya untuk digunakan oleh **pelajar yang telah berjaya ditawarkan biasiswa persekutuan sahaja**. Pelajar yang telah berjaya ditawarkan akan dimaklumkan samada melalui pemakluman dilaman web JPA / eSILA, panggilan telefon atau emel rasmi dari JPA.

Sekiranya pelajar **telah dimaklumkan berjaya** menerima biasiswa persekutuan dan **telah memasukkan kata laluan yang betul** tetapi masih gagal untuk log masuk ke dalam sistem, sila hubungi teknikal kami seperti yang terdapat di dalam sistem.

Bagi tujuan permohonan biasiswa/pinjaman, sila semak laman web JPA atau eSILA dari masa ke semasa untuk perkembangan lanjut.

2. MAKLUMAT TAWARAN YANG TERDAPAT DI DALAM SURAT TAWARAN BIASISWA SAYA TIDAK SAMA SEPERTI TAWARAN KE INSTITUSI PENGAJIAN SAYA. APA PERLU SAYA LAKUKAN?

Sekiranya terdapat sebarang kesilapan pada surat tawaran atau dokumen perjanjian, mohon saudara berhubung dengan talian penajaan kami seperti yang terdapat di dalam sistem.

3. BAGAIMANAKAH CARANYA UNTUK SAYA MEMUAT TURUN DOKUMEN PERJANJIAN?

Bagi tawaran tetap biasiswa, dokumen perjanjian boleh dimuat turun di **Langkah 5** sistem ePenawaran.

Walau bagaimanapun, pelajar terlebih dahulu perlu mengisi maklumat penjamin di **Langkah 4** dan mengemaskini maklumat pelajar dan waris di **Langkah 3**.

4. MENGAPA TAWARAN SAYA TIDAK MEMPUNYAI DOKUMEN PERJANJIAN DI LANGKAH 5 EPENAWARAN?

Untuk makluman, hanya tawaran tetap sahaja yang perlu memuat turun dokumen perjanjian di **Langkah 5**. Bagi tawaran bersyarat, dokumen perjanjian hanya akan diberikan selepas pelajar berjaya mematuhi syarat-syarat tawaran dan ditawarkan tawaran tetap.

Sila baca surat tawaran dan syarat-syarat tawaran untuk pengesahan tawaran.

5. SETELAH MENCETAK DOKUMEN PERJANJIAN/PENJAMIN, SAYA DAPATI SAYA TELAH TERSALAH MENGISI MAKLUMAT PENJAMIN. APA YANG PERLU SAYA LAKUKAN?

Pelajar boleh mengemaskini semula maklumat penjamin di Langkah 4.

6. SAYA DAPATI NO KAD PENGENALAN IBU/BAPA SAYA TELAH DIISI DENGAN SALAH. APA PERLU SAYA LAKUKAN?

Sila hubungi talian teknikal kami seperti yang terdapat di dalam sistem.

7. SAYA TERLUPA MENYIMPAN DOKUMEN PENAJAAN DAN PERLU MENCETAK SEMULA DOKUMEN-DOKUMEN TERSEBUT. TETAPI APABILA SAYA CUBA LOG MASUK, SISTEM MEMAKLUMKAN BAHAWA TARIKH MEMUAT TURUN TELAH TAMAT. APA PERLU SAYA LAKUKAN?

Sila hubungi talian teknikal kami seperti yang terdapat di dalam sistem.

8. SAYA CUBA MEMBUKA DOKUMEN PENAJAAN DI KOMPUTER SAYA TETAPI TIDAK BERJAYA. MENGAPA?

Untuk membuka sebarang dokumen penajaan, komputer yang digunakan perlu dipasang dengan perisian Adobe Reader yang boleh dimuat turun secara percuma di alamat berikut: <http://get.adobe.com/reader/>

9. SAYA TIDAK MENGETAHUI KATA LALUAN SAYA.

Kata laluan pelajar adalah sama seperti yang diisi semasa pelajar membuat permohonan biasiswa. Sekiranya pelajar terlupa kata laluan, sila klik pada *link* 'terlupa kata laluan' di halaman utama ePenawaran.

Sekiranya pelajar masih mempunyai kesulitan untuk menggunakan Sistem ePenawaran, pelajar boleh melihat video tutorial ePenawaran melalui capaian berikut:

http://www.youtube.com/watch?v=J_PsmAKuFVw